

Tiga negara sepakat perkasa bahasa Melayu

BH-118/2006

JAKARTA: Malaysia, Indonesia dan Brunei semalam menandatangani pernyataan bersama untuk memperkasakan bahasa Melayu, bukan saja di kalangan 300 juta penutur di rantau ini tetapi mengangkat martabatnya pada peringkat antarabangsa.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, yang mewakili Malaysia berkata majlis menandatangani pernyataan bersama itu tepat pada masa dan sangat penting untuk memperteguhkan iltizam dan keseriusan ketiga-tiga negara bekerjasama dalam bidang bahasa dan peruratan Melayu yang terjalin sejak 1972.

"Usaha ini adalah perluasan konsep kerjasama serantau dalam bidang ekonomi kepada bidang sosial mencakupi bahasa, sastera dan kebudayaan," katanya ketika berucap pada majlis di Kementerian Pendidikan Indonesia di sini.

Beliau berkata, dengan komitmen tiga negara menerusi Majlis Bahasa Brunei, Indonesia, Malaysia (MABBIM) itu, usaha mengantarabangsakan bahasa Melayu akan dipertingkatkan melalui Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) yang ditubuhkan pada 2000.

"Dengan sokongan hampir 30 negara dan institusi yang menganggo-

tai MABM dari Eropah, Amerika, Asia dan Oceania, kita berharap penyelarasan usaha pengantarabangsakan bahasa Melayu dapat dilakukan dengan lebih sekata," katanya.

Hishammuddin berkata, usaha memperkasakan bahasa Melayu adalah mempertahankan kewujudan bahasa warisan nenek moyang itu dan memastikan ia mempunyai tempat serta peranan dalam dunia global.

"Kesan globalisasi yang paling kritikal dan paling zalim adalah terhadap bahasa dan budaya sesuatu bangsa kerana globalisasi boleh menyebabkan kepupusan," katanya mengingatkan pakar dan pencinta bahasa Melayu dari ketiga-tiga negara yang hadir pada majlis itu.

Beliau memberi contoh, daripada 6,000 bahasa yang dipertuturkan di dunia sekarang, hanya kira-kira 300

bahasa saja yang dituturkan oleh lebih sejuta orang.

"Daripada 5,700 bahasa yang penuturnya kurang sejuta orang itu, dijangkakan separuh daripadanya akan pupus dalam tempoh seabad ini lantaran ia tidak lagi diajar kepada golongan muda," katanya.

Menyedari hakikat itu, beliau berkata, Malaysia sudah menggerakkan gelombang baru usaha memperkasakan bahasa Melayu dengan memabitkan Kementerian Pelajaran, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan Kementerian Penerangan.

Beliau berkata, dua jawatankuasa ditubuhkan bagi menyelaras dan menggerakkan usaha memperkasakan bahasa Melayu termasuk dengan merencanakan industri buku manakala Dewan Bahasa dan Pustaka serta Majlis Buku Kebangsaan Malaysia akan diberi lebih kuasa dan peruntukan kewangan bagi meningkatkan peranan mereka.

Sementara itu, Menteri Pendidikan Indonesia, Prof Dr Bambang Sudibyo, berkata dalam usaha memperkasakan bahasa Melayu ke peringkat yang lebih luas, sudah tiba masanya MABBIM menjemput Singapura menyertai usaha itu, sebagai sebuah lagi negara penutur bahasa Melayu. - Bernama

“*Kita berharap
penyelarasan usaha
pengantarabangsakan
bahasa Melayu dapat
dilakukan dengan
lebih sekata”*

Hishammuddin Hussein
Menteri Pelajaran